

Tommy digesa pastikan polis ambil kenyataan Najib

m/d: 4

BA - 28/12/2019

Kuala Lumpur: Peguam, Ramkarpal Singh menggesa supaya Peguam Negara memastikan polis mengambil kenyataan daripada Datuk Seri Najib Razak dalam siasatan akuan bersumpah (SD) membabitkan pembunuhan wanita Mongolia, Altantuya Shaari-ibuu.

Ramkarpal yang juga peguam kepada bapa Altantuya, Shaari-ibuu Setev dalam kes saman terhadap dua bekas polis disabitkan membunuh wanita itu, berkata oleh kerana hasil siasatan akhirnya akan diserahkan kepada Peguam Negara, maka beliau (Peguam Negara) hendaklah mengarahkan dan memastikan kenyataan Najib diambil jika Ketua Polis Negara gagal berbuat demikian.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu berkata, Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas yang dipetik sebuah portal, menyatakan adalah tidak masuk akal dua tertuduh yang disabitkan dengan pembunuhan itu, iaitu Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar sedangkan umum mengetahui ia (cerita) itu tidak lengkap.

Beliau berkata, jelas sekali siasatan semula kes bunuh Altantuya tidak akan lengkap jika Najib dan individu lain yang dinamakan dalam SD Azilah yang juga bekas pegawai polis berpangkat Cif Inspektor, tidak dipanggil membantu siasatan.

"Adalah penting untuk diingatkan bahawa persoalan siapa yang mengarahkan Altantuya dibunuh tidak berjaya diselesaikan pada zaman Peguam Negara terdahulu sebelum Tommy.

"Malah, motif pembunuhan juga tidak pernah didedahkan ketika perbicaraan di mahkamah yang berakhir pada 2015 di Mahkamah Persekutuan.

"Saya pernah katakan sebelum ini bahawa misteri siapa yang arahkan Altantuya dibunuh mesti dirungkai dan ia akan menjadi satu pencapaian hebat buat Tommy sepanjang khidmatnya sebagai Peguam Negara, jika pun bukan yang terhebat," katanya.

Ramkarpal sementara itu menyambut baik pengesahan daripada Tommy bahawa Pejabat Peguam Negara akan menimbang-kan membuka semula siasatan kes bunuh itu khususnya kepada persoalan siapakah pihak yang mengarahkan supaya ia (pembunuhan) dilaksanakan.

Katanya, beliau mengambil maklum kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador bahawa puluhan individu akan dipanggil bantu siasatan, iaitu mereka mungkin akan diambil kenyataan, walaupun Najib hanya mungkin akan dipanggil.

"Agak aneh apabila Najib hanya akan dipanggil untuk membantu siasatan, lebih-lebih lagi apabila beliau disebut oleh Azillah sebagai individu yang mengarahkan pembunuhan itu dalam SD yang didedahkan minggu lalu.

"Najib mesti dipanggil untuk beri kenyataan bagi bantu siasatan adalah perkara asas. Saya tidak nampak bagaimana dakwaan Azilah itu boleh disahkan benar atau sebaliknya jika Najib tidak dipanggil beri kenyataan bagi tujuan itu," katanya.